



**TEKS UCAPAN
YBRS. TUAN ADI FAIZAL BIN AHMAD TARMIZI
TIMBALAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL.4/2024**

**25 APRIL 2024 | KHAMIS
10.00 PAGI | BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

Yang Berusaha, Tuan Haji Az'har bin Samsuri
Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormatkan Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh
Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,
Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan,
Pihak media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS Bil.4/2024 bagi bulan April pada pagi yang berbahagia ini.

1. UCAPAN SELAMAT HARI RAYA

1.1 Hari ini merupakan hari ke enam belas kita di bulan Syawal. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga MPS yang beragama Islam. Syawal dirai, nikmat disyukuri, Maaf Zahir dan Batin.

2. UCAPAN TAHNIAH LANTIKAN AHLI MAJLIS BAHARU

- 2.1 Alhamdullilah selesai sudah majlis lafaz akuan terima jawatan Ahli Majlis MPS sebentar tadi. Saya selaku Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada **Tuan Megat Mohd Fadhli bin Zakaria (PKR)**, Ahli Majlis Zon 1 dan **Tuan Haji Muhammad Najmi bin Samsudin (DAP)**, Ahli Majlis Zon 9 yang dilantik untuk memikul amanah sebagai Ahli Majlis, MPS bagi penggal 2024 - 2025 ini.
- 2.2 Untuk makluman, kedua-dua Ahli Majlis ini akan menganggotai Jawatankuasa Kemasyarakatan, Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat dan Jawatankuasa Pengindahan Bandar berkuatkuasa Mei 2024.

2.3 Saya berharap Ahli Majlis yang baru dilantik ini dapat melaksanakan tanggungjawab, bertoleransi dan saling bekerjasama demi menjaga nama baik MPS di mata masyarakat.

3. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 3.1 Untuk makluman, sehingga 31 Mac 2024, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2024 sebanyak RM 48,78 juta (83.38%) daripada RM 58.5 juta.
- 3.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 3.33 juta (31.21%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 10.68 juta.
- 3.3 Pihak Majlis telah mengeluarkan notis (Borang E) dengan caj dikenakan sebanyak RM20.00 kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan cukai taksiran pada 1 Mac 2024.
- 3.4 Sebanyak 67,907 notis telah dikeluarkan dan notis tamat pada 31 Mac 2024. Tindakan waran tahanan bermula 15 April 2024 dengan caj sebanyak RM100.00 akan dikenakan kepada akaun yang masih mempunyai tunggakan setelah tamat notis.

4. PERBAHARUI DAN MEMBAYAR LESEN PERNIAGAAN, SEWAAN GERAI, PERMIT BANGUNAN SERTA PERANCANG DI PORTAL MYMPS

- 4.1 Pihak Majlis juga telah menaik taraf portal mymps.mps.gov.my bagi peniaga-peniaga memperbaharui dan membuat bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai dan permit bangunan serta perancang. Disamping itu, orang awam juga boleh membuat semakan dan bayaran kompaun di portal tersebut.
- 4.2 Jumlah kutipan yang diterima pada bulan Mac 2024 adalah seperti berikut:
- Lesen perniagaan sebanyak RM 234,635.93 - 310 transaksi
 - Sewaan gerai sebanyak RM 283,404.50 - 791 transaksi
 - Permit bangunan dan perancang sebanyak RM 402,469.00 - 46 transaksi
 - Kompaun sebanyak RM64,925.00 – 2,068 transaksi

5. OPERASI PEROBOHAN

- 5.1 Jabatan Bangunan MPS kini sedang mengambil tindakan penguatkuasaan atas sebarang kesalahan yang melibatkan pembangunan tanpa kelulusan seperti tambahan rumah kediaman, membina struktur tanpa kebenaran dan pembinaan yang melencong daripada pelan yang diluluskan.
- 5.2 Sepanjang minggu ini sebanyak 4 operasi perobohan telah dan akan dilaksanakan termasuk pada pagi ini.
- 5.3 Sehubungan dengan itu, saya ingin mengingatkan semua pemilik struktur bangunan untuk sentiasa mematuhi undang-undang yang ditetapkan dan mendapatkan kelulusan daripada pihak MPS terlebih dahulu sebelum perancangan untuk mendirikan apa-apa struktur bangunan dijalankan supaya ia tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan undang-undang di bawah kawasan pentadbiran MPS.

6. TAHNIAH PENGARAH BAHARU

- 6.1 Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Puan Nor Shafaliza binti Saharudin yang telah dilantik sebagai Pengarah Jabatan Pesuruhjaya Bangunan dan telah memulakan tugas pada 1 April 2024 dan Puan Zuriati binti Karia yang dilantik sebagai Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat berkuatkuasa mulai 2 Mei 2024.
- 6.2 Ini adalah pencapaian yang menunjukkan sifat dedikasi, kepimpinan dan kecekapan anda dalam bidang ini dan kepada Jabatan anda. Sebagai Pengarah Jabatan, anda memainkan peranan penting dalam pengurusan untuk memimpin, mengarah dan memastikan bahawa jabatan ini beroperasi dengan cekap, memberikan perkhidmatan berkualiti dan mencapai matlamat yang ditetapkan.
- 6.3 Tahniah sekali lagi saya ucapkan dan saya berharap pengarah dapat membimbing jabatan ke tahap yang lebih tinggi.

7. MAJLIS MESRA AIDILFITRI PERINGKAT MPS

- 7.1 Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini, MPS akan mengadakan Majlis Mesra Aidilfitri Peringkat MPS pada 26 April 2024 (Jumaat) bersamaan 17 Syawal bertempat di pekarangan Menara MPS bermula jam 2.30 petang sehingga 5.30 petang.
- 7.2 Bertemakan '*Arabian*', pelbagai aktiviti seperti persembahan hiburan, sesi cabutan bertuah, penyerahan duit raya dan juadah makanan akan disediakan.
- 7.3 Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk menjemput semua Ahli Majlis untuk turut hadir bersama-sama memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri MPS ini.

8. MAJLIS SAMBUTAN RUMAH TERBUKA RIUH RAYA #KITASELANGOR

- 8.1 Selain itu, Majlis Sambutan Rumah Terbuka Riuh Raya #KitaSelangor 2024 anjuran Kerajaan Negeri Selangor akan diadakan pada keesokkan harinya iaitu pada 27

April 2024 (Sabtu) bersamaan dengan 18 Syawal bermula jam 8.00 hingga 11.00 malam bertempat di Bandar Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor.

- 8.2 Pelbagai acara menarik diadakan antaranya persembahan artis terkenal tanah air, pemberian duit raya dan pertunjukan bunga api.
- 8.3 Oleh itu semua dijemput untuk sama-sama hadir memeriahkan Rumah Terbuka Riuhan Raya #KitaSelangor 2024.

9. 'RAIKAN SYAWAL' RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILFITRI AHLI PARLIMEN GOMBAK

- 9.1 Akhir sekali, di sini saya juga ingin menjemput semua untuk menghadiri Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Ahli Parlimen Gombak merangkap Dato' Menteri Besar Selangor akan diadakan pada 28 April 2024 (Ahad) dari jam 8.00 hingga 11.00 malam bertempat di Dataran Sungai Tua, Taman Seri Selayang.

Sekian, Wabillahittaufiq Walhidayah Wasallamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.